

16 JAN 2003

ULANGAN MAHATHIR-VALUECAP

DR MAHATHIR PERTAHAN USAHA VALUECAP

KOTA BAHARU, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan peranan Valuecap Sdn Bhd (Valuecap) yang ditubuhkan semata-mata bagi menjaga kepentingan saham syarikat-syarikat yang kerajaan membuat pelaburan dan mempunyai kepentingan.

Beliau berkata kerajaan berbuat demikian bagi mengatasi perbuatan sesetengah pihak yang sengaja menjual saham sesuatu syarikat, menyebabkan nilai saham jatuh teruk hingga menimbulkan masalah besar kepada banyak syarikat yang dimiliki kerajaan.

"Semua orang tahu kita menubuhkan syarikat Valuecap ini untuk menjaga kepentingan kita. Kalau syarikat di mana kerajaan seperti TNB dan lain-lain, memiliki hak dan oleh kerana penjualan saham ini menyebabkan nilai saham ini jatuh maka kita berhak untuk mempertahankannya.

"Sebab itu kita menubuhkan sebuah syarikat, guna untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat yang kita mempunyai pelaburan di dalamnya," katanya pada sidang media bagi mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Kelantan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini hari ini.

Valuecap dengan dana RM10 bilion, menyertai pasaran tempatan sejak Jumaat lepas dan langkah itu dijangka boleh meningkatkan nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di antara 33 peratus hingga 68 peratus daripada nilai semasa.

Dr Mahathir berkata dakwaan sesetengah pihak bahawa Valuecap tidak telus tidak berbangkit kerana kerajaan bertindak semata-mata bagi melindungi haknya.

"Kita tahu bahawa nilai saham ini jatuh lebih rendah daripada aset ataupun keuntungan syarikat ini, jadi kita berhak untuk membeli saham yang dijual.

"Itu sahaja yang kita buat. Dia jual nak bagi jatuh harga, kita belilah," katanya.

Dr Mahathir berkata Valuecap juga tidak perlu membuat pengumuman kepada umum apakah saham yang dibelinya walaupun tindakan itu dianggap sebagai tidak telus.

Dr Mahathir yang kelihatan kecewa dengan penubuhan Valuecap dijadikan isu serta dakwaannya tidak telus juga menegur sikap sesetengah rakyat di negara ini hanya tahu mengkritik kerajaan walaupun sesuatu usaha kerajaan itu dibuat bagi menjaga kepentingan negara dan ekonomi.

"Selalu ada perasaan yang bercampur-campur apabila kita melakukan sesuatu untuk membantu diri kita. Kita bertindak seperti orang asing, kita mengutuk diri kita sendiri. Itulah sebabnya amat sukar bagi kita untuk mendapat faedah daripada ekonomi kita sendiri.

"Hanya kerana orang lain mengkritik kita, kita rasa orang lain selalunya betul. Tetapi jika kita mengikut orang lain, negara ini akan bankrap," katanya.

-- BERNAMA

RAR NHD